

FPP BizNewz

Jan - May 2023

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

BUKIT MERAH
"THE RED FOREST"
PERMATA TERSEMBUNYI DI JERANTUT

TOXIC FRIENDSHIP
WHEN IT'S TIME TO LET GO

GRADUATES
WHO ARE THE URBAN POOR

ARROWS OF THE FAITHFUL
THE IMPORTANCE OF ARCHERY IN ISLAM

**TWIN-TO-TWIN TRANSFUSION
SYNDROME (TTTS)**



Publication Date
1 June 2023

SUKAN MEMANAH



64

PENGALAMAN PERTAMA KARISTA 2023

PENGALAMAN PERTAMA KARISTA 2023



Karnival Sukan Staf SeMalaysia (KARISTA) datang lagi... Kali ini, UiTM Cawangan Pahang telah dipilih sebagai tuan rumah. Sukan yang melibatkan penyertaan 14 buah negeri telah berkampung selama seminggu dan pelbagai acara sukan telah dipertandingkan.

Nasiha Abdullah, Nazlin Emieza Ngah,
Nurafida Abd. Talib, Nur Azwani Mohamad Azmin & Nur Dalila Adenan
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu.
Email koresponden: nasiha@uim.edu.my

eISSN 2600-9811

Tidak seperti tahun-tahun sebelumnya, karnival sukan staf kali ini agak menarik kerana adanya acara sukan baharu yang dipertandingkan iaitu sukan memanah. Pada umumnya, sukan memanah bukanlah satu acara sukan yang baharu kerana ia sememangnya telah diiktiraf di seluruh dunia, namun bagi kejohanan staf peringkat UiTM, ia julung kali dipertandingkan. Ini menimbulkan keterujaan kami untuk menyertainya meskipun kami tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan tentang sukan ini.

Sesungguhnya kami amat bersyukur kerana pihak pengurusan bersetuju untuk menghantar penyertaan dalam acara memanah individu ke kejohanan ini dan yang membuat kami lebih gembira dan berasa lega apabila mengetahui bahawa UiTM Cawangan Terengganu mempunyai peralatan memanah yang lengkap dan mencukupi. Dengan bimbingan jurulatih muda yang berpengalaman, kami gigih mempelajari segala teknik memanah dengan betul bagi mendapat skor yang tinggi. Nampak mudah tetapi sebenarnya tidak... hanya orang yang pernah memegang 'bow & arrow' sahaja tahu betapa sukarnya sukan ini. Namun berkat kesabaran dan minat yang mendalam, kami berjaya melepasi rasa takut dan gementar malah diganti dengan perasaan teruja setiap kali melepaskan anak panah ke 'target face'.

Setelah hampir sebulan berlatih, saat untuk menguji kebolehan pun tiba... Meskipun sukan KARISTA menjanjikan pingat bagi setiap acara yang dipertandingkan, namun pasukan kami tidak meletakkan harapan yang tinggi untuk memenangi sebarang pingat memandangkan kami baru menjinakkan diri dalam sukan

ini. Apa yang kami inginkan adalah pengalaman memandangkan kami tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan memanah sebelum ini dan ia merupakan pengalaman pertama... Berdebar? Memang sangat-sangat mendebar apatah lagi melihat atlet dari kampus lain yang nampak seperti berpengalaman. Namun, ianya tidak mematahkan semangat kami, perjuangan tetap diteruskan, menang atau kalah itu adalah adat pertandingan yang penting semangat kesukanan tetap ada dalam diri masing-masing.

Sepanjang dua hari kejohanan berlangsung, banyak yang kami pelajari terutama dari segi pengiraan mata dan corak pertandingan. Sesungguhnya ini memang satu pengalaman baharu yang tidak akan kami lupakan. Para peserta pertandingan juga semuanya mesra dan mudah bergaul, tidak kira peringkat umur dan tidak segan untuk membantu dan berkongsi ilmu. Biarpun tidak berjaya ke separuh akhir namun, apa yang membanggakan kami adalah, peserta dari UiTM Cawangan Terengganu menduduki tangga 10 pemanah teratas berdasarkan mata yang dikumpul oleh setiap pemain. Alhamdulillah, ini adalah satu permulaan yang baik.

Kini... KARISTA 2023 telahpun melabuhkan tirai. Namun, pasukan kami tetap wujud dengan semangat yang masih membara dan kami telah mewujudkan nama pasukan agar lebih dikenali iaitu 'Ittifaq Archery Team (IAT UiTM)'. Perancangan kami seterusnya adalah menyertai pertandingan memanah yang dianjurkan oleh mana-mana organisasi luar bagi memantapkan lagi teknik selain menimba pengalaman dan menambah ilmu sedia ada.





BizNewz 2023
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com